

RM7.5 juta atasi banjir Hulu Langat

HULU LANGAT - Sebanyak RM7.5 juta diperuntukkan kerajaan untuk mengatasi masalah banjir di kawasan Hulu Langat bagi tempoh jangka pendek.

Usaha tersebut akan dimulakan tahun ini dan membabitkan pembinaan sebuah jambatan laluan utama dengan kos RM3.5 juta, dua unit pembetung (RM1 juta) dan pengalihan utiliti (RM3 juta).

Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak berkata, Jabatan Pengairan Saliran dan Jabatan Kerja Raya sudah memberi cadangan bagi melaksanakan langkah pencegahan banjir bagi tempoh jangka pendek dan panjang.

“Kita akan melaksanakan langkah jangka pendek tahun ini juga. Kalau boleh, mula dilaksanakan sebelum pilihan raya,” katanya pada majlis penyampaian bantuan mangsa banjir Parlimen Hulu Langat dan Ampang di Institut Kemahiran Belia Negara Dusun Tua di sini semalam.

Pada 7 Mac lalu, banjir besar berlaku sehingga menjejaskan lebih 3,000 penduduk di sekitar Dusun Tua, Taman Sri Nanding, Kampung Sungai Serai dan Lembah Jaya Utara.

Ekoran bencana itu, Najib mengumumkan bantuan hampir RM6



NAJIB menyampaikan sumbangan tilam dan dapur gas kepada seorang mangsa banjir pada Majlis Penyampaian Bantuan Mangsa Banjir Parlimen Hulu Langat dan Parlimen Ampang di Hulu Langat semalam.

juta kepada 3,578 mangsa.

Bantuan tersebut termasuk wang tunai RM500 untuk setiap mangsa dengan jumlah keseluruhan RM1.7 juta daripada Majlis Keselamatan Negara.

Selain itu, Yayasan IMDB turut menyumbang RM2.5 juta termasuk wang tunai RM500 kepada setiap mangsa banjir dan sumbangan membaiki 100 buah rumah serta mengganti peralatan masjid dan surau sementara Kelab Putra Malaysia pula menyumbang tilam dan dapur gas.

Najib berkata bagi tempoh jang-

ka panjang, sebuah kolam takungan air akan dibina.

“Pembinaan kolam takungan ini akan membabitkan soal pengambilan tanah. Ini kena tunggu, kita perlu ambil alih kerajaan negeri dahulu,” katanya.

Hadir sama, Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Seri Noh Omar; Koordinator Barisan Nasional Selangor, Datuk Seri Mohd. Zin Mohamed; Ahli Dewan Undangan Negeri Semenyih, Datuk Johan Abdul Aziz dan Ahli Dewan Undangan Negeri Dusun Tua, Ismail Sani.



NAJIB (tiga dari kanan) melawat Sungai Serai yang akan dilebarkan selepas majlis penyampaian bantuan mangsa banjir Parlimen Hulu Langat dan Ampang di Institut Kemahiran Belia Negara Dusun Tua, Hulu Langat semalam.